

UNDANG-UNDANG TUBUH

PERSATUAN TAEKWON-DO NEGERI TERENGGANU (GTF)

[kandungan sebenar hendaklah dirujuk pada cetakan sebenar]

FASAL		Muka Surat
Fasal 1	... NAMA	2
Fasal 2	... ALAMAT PENYAMPAIAN & TEMPAT URUSAN	2
Fasal 3	... LAMBANG PERTUBUHAN	2
Fasal 4	... OBJEKTIF	4
Fasal 5	... KEAHLIAN	4
Fasal 6	... BAYARAN MASUK, YURAN DAN BAYARAN LAIN	5
Fasal 7	... PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI	6
Fasal 8	... MESYUARAT AGUNG	7
Fasal 9	... JAWATANKUASA	9
Fasal 10	... KEWAJIPAN PEGAWAI	11
Fasal 11	... KEWANGAN	12
Fasal 12	... PEMERIKSA KIRA-KIRA	14
Fasal 13	... PEMILIKAN HARTA / HARTA TETAP	14
Fasal 14	... SYARAT PERLANTIKAN PEGAWAI PEMEGANG AMANAH	15
Fasal 15	... TAFSIRAN UNDANG-UNDANG	16
Fasal 16	... PENASIHAT / PENAUUNG	16
Fasal 17	... PINDAAN UNDANG-UNDANG	16
Fasal 18	... PEMBUBARAN	17
Fasal 19	... PERATURAN PENGURUSAN PREMIS	17

FASAL 1

NAMA

- 1.1 Pertubuhan ini dikenali dengan nama PERSATUAN TAEKWON-DO NEGERI TERENGGANU (GTF) (selepas ini disebut sebagai “Persatuan”).
- 1.2 Persatuan ini akan bergabung dengan Persekutuan Taekwon-Do Global Malaysia (MGTF) di peringkat kebangsaan.

FASAL 2

ALAMAT PENYAMPAIAN & TEMPAT URUSAN

- 2.1 Alamat penyampaian Persatuan ini ialah di No.59-B Jalan Tok Lam, 20100 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman, atau di alamat khas lain yang akan ditetapkan dari masa ke semasa oleh Jawatankuasa.
- 2.2 Tempat urusan Persatuan ini ialah di No. 116, Tingkat 3, Wisma Regency, Jalan Pejabat, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman, atau di tempat-tempat lain dari masa ke semasa yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa.

FASAL 3

LAMBANG



- 3.1 Lambang Persatuan ini berbentuk bulat yang terdiri daripada bulan sabit dan bintang, objek manusia membuat tendangan ke udara dan tiga Tiga glob dunia berwarna merah.
 - 3.1.1 Lambang bulan dan bintang Putih adalah identiti utama Negeri Terengganu Darul Iman sebagai satu elemen utama sesebuah pertubuhan di peringkat negeri ini.
 - 3.1.2 Gambar abstrak hitam seorang ahli Taekwon-Do yang sedang membuat tendangan tinggi ke udara melambangkan **kemampuan yang tinggi dalam seni bela diri Taekwon-Do dipupuk** kepada semua ahli persatuan.
 - 3.1.3 Glob berwarna merah merupakan sebahagian daripada lambang Persekutuan Taekwon-Do Global (GTF) iaitu badan gabungan di peringkat antarabangsa yang memberi makna kewujudan GTF dan seni taekwon-do di setiap pelusuk benua.

3.2 MAKSUD TULISAN PADA LAMBANG

- 3.2.1 **PERSATUAN TAEKWON-DO NEGERI TERENGGANU** adalah nama pertubuhan ini dan **GTF** adalah singkatan nama badan induk gabungan di peringkat antarabangsa iaitu Global Taekwon-Do Federation.

3.3 MAKSUD WARNA LAMBANG

- 3.3.1 **PUTIH** – warna yang melambangkan **kesucian dan kemuliaan** peribadi ahli-ahli pertubuhan dan sebagai warna pakaian seragam dalam seni taekwon-do.
- 3.3.2 **HITAM** – warna hitam adalah warna yang tertinggi di dalam ranking talipinggang seni taekwon-do yang membawa maksud **kematangan dan keyakinan**.
- 3.3.3 **MERAH** – warna merah membawa maksud **keberanian** yang dipupuk ke dalam setiap ahli.
- 3.3.4 **PUTIH DAN HITAM** – kedua-dua warna ini adalah warna bendera Negeri Terengganu Darul Iman.

FASAL 4

OBJEKTIF

Persatuan ini ditubuhkan dengan tujuan:-

- 4.1** Menyelaras, mengendali, mempromosi dan mengawal-selia aktiviti-aktiviti Taekwon-Do aliran GTF di Negeri Terengganu.
- 4.2** Menyediakan program peningkatan dari segi teknikal kepada jurulatih dan ahli-ahli Persatuan.
- 4.3** dan melatih peserta yang akan mewakili negeri ke satu-satu kejohanan anjuran mana-mana ahli gabungan MGTF.
- 4.4** Menyediakan Jurulatih dan Pemeriksa yang berkelayakan untuk mengendalikan latihan dan ujian kenaikan talipinggang.
- 4.5** Menjadi sebuah Persatuan yang akan bergabung dengan Persekutuan Taekwon-Do Global Malaysia (MGTF).
- 4.6** Menjadi satu alternatif kepada gaya hidup Rakan Muda Melalui Program Rakan Wajadiri.

FASAL 5

KEAHLIAN

- 5.1** Keahlian Persatuan ini terbuka kepada penduduk Negeri Terengganu, Kelab-kelab berdaftar dan mereka yang bermastautin di negeri ini tanpa mengira bangsa, agama dan jantina.

Terdapat dua bentuk keahlian iaitu:-

- 5.1.1** Ahli Biasa :

Terbuka kepada mereka yang berumur 18 tahun ke atas.

- 5.1.2** Ahli Bersekutu :

Terbuka kepada kelab-kelab yang berdaftar dan Persatuan Taekwon-Do sekolah.

- 5.2** Permohonan menjadi ahli hendaklah dibuat dengan mengisi borang keahlian yang boleh didapati dari Persatuan ini. Segala maklumat perlu diisi dengan lengkap dan benar sebelum dikembalikan kepada Setiausaha Persatuan untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa. Jawatankuasa boleh mengikut budibicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.

- 5.3** Tiap-tiap pemohon yang permohonannya diluluskan seperti yang tersebut di atas, hendaklah setelah membayar bayaran masuk seperti yang ditetapkan diterima menjadi ahli Persatuan dan berhaklah ia sebagai ahli.

- 5.4** Ahli-ahli bersekutu dibenarkan menghantar tidak lebih tiga (3) orang wakil ke mesyuarat agung Persatuan. Wakil ahli bersekutu dibenarkan menjawat jawatan dalam Persatuan dan mengambil bahagian dalam

pemilihan Pegawai Persatuan sekiranya mematuhi segala syarat yang kelayakan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Fasal 8 dan 9.

FASAL 6

BAYARAN MASUK, YURAN & BAYARAN LAIN

6.1 Yuran-yuran yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut:-

6.1.1 **KEAHLIAN BIASA (Seorang)**

Yuran Pendaftaran	RM10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Sahaja)
-------------------	--

Yuran Ahli	RM10.00 / Setahun (Ringgit Malaysia Sepuluh Sahaja)
------------	--

6.1.2 **KEAHLIAN BERSEKUTU
(satu Kelab / Persatuan)**

Yuran Pendaftaran Sahaja)	RM50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh
------------------------------	---

Yuran Tahunan Sahaja)	RM20.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh
--------------------------	--

Yuran Pendaftaran Pelatih Baru	RM10.00
-----------------------------------	---------

6.2 Yuran Ahli hendaklah dijelaskan kepada Bendahari dalam tempoh 30 hari dari awal tiap-tiap tahun.

6.3 Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada dua belas (12) bulan akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh Setiausaha atau wakilnya dan hilanglah hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya dijelaskan.

6.4 Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih dari dua tahun maka dengan sendirinya terlucut daripada menjadi ahli Persatuan dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuashati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.

6.5 Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang.

6.6 Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan mesyuarat agung ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut, dalam tempoh yang telah ditetapkan maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran bulanan.

FASAL 7

PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

- 7.1 Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Persatuan hendaklah memberi kenyataan bertulis dua (2) minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan menjelaskan segala hutangnya.
- 7.2 Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang Persatuan atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik Persatuan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan mesyuarat agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh tersebut.

FASAL 8

MESYUARAT AGUNG

- 8.1 Pengelolaan Persatuan ini terserah kepada mesyuarat agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu per dua ($\frac{1}{2}$) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali (2x) ganda jumlah ahli Jawatankuasa, atau yang mana satu yang kurang, hendaklah hadir di dalam mesyuarat agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat. Ahli yang berhak mengundi ditakrifkan sebagai ahli yang berumur 18 tahun ke atas pada tarikh mesyuarat diadakan.
- 8.2 Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguh kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda undang-undang Persatuan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan ahli.
- 8.3 **Mesyuarat Agung Tahunan** (selepas ini disebut "AGM") bagi Persatuan hendaklah diadakan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31hb. Mac pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Kerja-kerja AGM ialah:-
 - 8.3.1 menerima laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan Persatuan di dalam tahun lalu;
 - 8.3.2 menerima laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu;
 - 8.3.3 memilih ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan dan Pemeriksa Kira-Kira selama dua (2) tahun; dan

- 8.3.4 menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.
- 8.4 Setiausaha hendaklah menghantar kepada setiap ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum AGM diadakan satu agenda mesyuarat termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan serta penyata kira-kira Persatuan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan Persatuan.
- 8.5 Mesyuarat Agung Khas (selepas ini disebut “EGM”) bagi Persatuan ini boleh diadakan;
- 8.5.1 bila difikirkan perlu dan mustahak oleh Jawatankuasa; atau
- 8.5.2 atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang dari satu per lima (1/5) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Persatuan.
- 8.6 EGM yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
- 8.7 Pengumuman dan agenda untuk EGM itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurangnya-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.
- 8.8 Fasal 8.1 dan 8.2 di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan AGM boleh digunakan untuk EGM bersyaratkan jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi EGM tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa enam (6) bulan dari tarikh ini EGM atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
- 8.9 Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli satu salinan deraf peringatan tiap-tiap AGM setelah selesainya mesyuarat itu.

FASAL 9

JAWATANKUASA

- 9.1 Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Persatuan hendaklah dipilih di dalam AGM bagi tempoh satu penggal bersamaan tempoh dua (2) tahun:
- 9.1.1 Seorang (1) Presiden
- 9.1.2 Seorang (1) Timbalan Presiden Pentadbiran
- 9.1.3 Seorang (1) Timbalan Presiden Teknikal
- 9.1.4 Seorang (1) Setiausaha Agung
- 9.1.5 Seorang (1) Timbalan Setiausaha Agung
- 9.1.6 Seorang (1) Bendahari
- 9.1.7 Lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Biasa
- 9.2 Pemegang-pemegang jawatan Persatuan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Persatuan ini hendaklah dilantik daripada :-

- 9.2.1 Kalangan ahli Persatuan;
 9.2.2 Warganegara Malaysia;
 9.2.3 Tidak pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah yang membawa hukuman penjara lebih satu (1) tahun atau denda lebih daripada RM2,000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu);
 9.2.4 Tidak diisytiharkan muflis; dan
 9.2.5 Berumur tidak kurang daripada 18 tahun.
- 9.3 Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam AGM. Semua pegawai boleh dilantik semula bagi penggal berikutnya.
- 9.4 Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengatur kerja-kerja harian Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Persatuan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh mesyuarat agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan mesyuarat agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap AGM.
- 9.5 Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurangnya-kurangnya sekali dalam tiga (3) bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli empat (4) hari terlebih dahulu. Presiden denga bersendirian atau tidak kurang daripada empat (4) orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurangnya-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.
- 9.6 Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan dari ahli-ahli Jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima:
- 9.6.1 Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa.
- 9.6.2 Sekurangnya-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu; dan
- 9.6.3 Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam peringatan mesyuarat.
- 9.7 Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa.

- 9.8 Jika seorang Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha Agung atau Bendahari meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli yang lain untuk memenuhi kekosongan itu sehingga AGM diadakan.

FASAL 10

KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

- 10.1 **Presiden**, dalam tempoh menyandang jawatannya, hendaklah menjadi Pengerusi semua mesyuarat agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Beliau mempunyai undi pemutus dan hendaklah menandatangani peringatan mesyuarat bila telah diluluskan.
- 10.2 **Timbalan Presiden Pentadbiran**, hendaklah memangku jawatan Presiden dan bertanggungjawab ke atas semua hal-ehwal pentadbiran semasa ketiadaannya dan bertanggungjawab ke atas program-program lain yang melibatkan perjalanan dan urusan-urusan rasmi pejabat Persatuan.
- 10.3 **Timbalan Presiden Teknikal**, hendaklah memantau bagi pihak Presiden atau di atas arahannya atau memangku bagi pihaknya dalam hal-ehwal teknikal iaitu latihan, kejurulatihan dan pembangunan sukan. Beliau juga hendaklah mempengerusikan mana-mana mesyuarat khas di kalangan jurulatih.
- 10.4 **Setiausaha Agung**, hendaklah menjalankan kerja pentadbiran Persatuan mengikut undang-undang dan tugas-tugas pentadbiran seperti berikut:-
- 10.4.1 Menjalankan perintah mesyuarat agung dan Jawatankuasa;
- 10.4.2 Bertanggungjawab mengendalikan urusan surat-menyurat;
- 10.4.3 Menyimpan segala rekod dan dokumen rasmi Persatuan kecuali akaun dan buku kewangan;
- 10.4.4 Menyimpan buku daftar ahli;
- 10.4.5 Hadir dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat;
- 10.4.6 Mengirim penyata tahunan Persatuan kepada Pesuruhjaya Sukan sebagaimana yang dikehendaki di dalam Akta Pembangunan Sukan 1997.
- 10.5 **Bendahari**, adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Persatuan dan tugas-tugas utama seperti berikut:-
- 10.5.1 Membuat dan menyimpan kunci kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya;
- 10.5.2 Menguatkuasakan kutipan segala jenis yuran yang kena dibayar kepada Persatuan; dan

- 10.5.3 Menandatangani cek yang perlu bersama-sama Presiden atau Setiausaha Agung sebagaimana diarahkan oleh Presiden.

FASAL 11

KEWANGAN

- 11.1 Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam undang-undang ini wang Persatuan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Persatuan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, pembiayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah memeriksa kira-kira. Walaubagaimana pun, wang berkenaan tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.
- 11.2 Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus sahaja) pada suatu masa. Lebihan wang mestilah dimasukkan ke dalam akaun bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa. Akaun bank itu hendaklah di atas nama Persatuan.
- 11.3 Segala cek atau pernyataan pengeluaran wang dari kira-kira Persatuan hendaklah ditandatangani bersama oleh mana-mana dua (2) orang pegawai di kalangan Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari. Semasa ketiadaan Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari maka bolehlah Jawatankuasa melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang Persatuan.
- 11.4 Perbelanjaan yang lebih daripada RM5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, dan perbelanjaan yang lebih daripada RM10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran mesyuarat agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang tidak lebih daripada RM5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu sahaja) bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh mana-mana dua (2) orang pegawai sebagaimana dinyatakan dalam Perkara 11.3 di atas.
- 11.5 Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira yang dilantik di bawah Fasal 12 undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh AGM yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli.
- 11.6 Tahun kewangan Persatuan ini bermula dari 1hb. Januari dan berakhir pada 31hb. Disember tiap-tiap tahun.

FASAL 12

PEMERIKSA KIRA-KIRA

- 12.1 Dua (2) orang yang bukan Pegawai Persatuan boleh dilantik di dalam AGM sebagai Pemeriksa Kira-Kira. Mereka akan memegang jawatan selama dua (2) tahun dan boleh dilantik semula.

- 12.2 Pemeriksa Kira-Kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Persatuan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk AGM. Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Presiden mengaudit kira-kira Persatuan bagi mana-mana masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.
- 12.3 Pemeriksa Kira-Kira yang dilantik di dalam AGM boleh diganti dengan ahli Persatuan yang lain yang difikirkan wajar oleh Presiden sekiranya Pemeriksa Kira-Kira berkenaan enggan / gagal / tidak berkeupayaan atas sebab-sebab tertentu yang munasabah dalam memberi khidmat jika diperlukan.
- 12.4 Sekiranya Perkara 12.3 berlaku dan mengambil tempat, Jawatankuasa hendaklah menyatakan alasan-alasan yang munasabah kepada ahli-ahli Persatuan semasa AGM mengapa Pemeriksa Kira-Kira perlu diganti.
- 12.5 Pemeriksa Kira-Kira yang diganti di bawah Perkara 12.3 tidak lagi boleh dilantik semula di dalam AGM seterusnya dan akan hanya bebas dipilih semula selepas berakhirnya tempoh Pegawai Persatuan memegang jawatan.

FASAL 13

PEMILIKAN HARTA / HARTA TETAP

- 13.1 Persatuan sebagaimana diluluskan oleh mesyuarat agung melalui pegawai-pegawainya boleh membuat pemilikan harta / harta tetap di dalam apa jua bentuk yang dibenarkan oleh undang-undang di atas nama Persatuan seperti bangunan, hartanah, saham dan lain-lain.
- 13.2 Persatuan di dalam usaha membiayai pemilikan harta / harta tetap ini dibenarkan memohon dan membuat pinjaman kewangan dari mana-mana institusi kewangan di dalam negara. Perkara 11.4 perlulah dirujuk bagi tujuan kelulusan.
- 13.3 Persatuan dibenarkan menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan dan pelaburan dan semua wang dan keuntungan yang didapati oleh Persatuan ini hasil dari penyertaannya dalam mana-mana perniagaan atau pelaburan akan digunakan semata-mata untuk melanjutkan, memajukan dan menjalankan tujuan-tujuan Persatuan ini dan tidak sebahagianpun daripada wang atau keuntungan itu akan digunakan untuk membayar wang atau keuntungan atau bonus kepada ahli Persatuan. Sungguhpun begitu, peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran yang dibuat dengan tujuan baik, untuk membayar gaji atau perbelanjaan atau kedua-duanya kepada sebarang ahli atau pekerja Persatuan ini.

FASAL 14

SYARAT PERLANTIKAN PEGAWAI DAN PEGAWAI PEMEGANG AMANAH

- 14.1 Tiga orang Pegawai yang terdiri daripada pemegang-pemegang jawatan dan berusia lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam AGM yang selaku Pemegang Amanah harta Persatuan (selepas ini disebut "Pegawai Pemegang Amanah").

- 14.2 Pegawai Pemegang Amanah tersebut hendaklah memegang jawatan mereka sehingga tempoh bagi mereka memegang jawatan berakhir di AGM yang akan datang dan mereka layak dipilih semula.
- 14.3 Pegawai Pemegang Amanah hendaklah mengurus harta tetap Persatuan sebagaimana yang dikehendaki oleh mesyuarat agung tetapi semua harta tetap Persatuan hendaklah didaftar atas nama Persatuan.
- 14.4 Pegawai Pemegang Amanah tidak boleh menarik balik atau menukarkan harta kepunyaan Persatuan dengan tidak ada persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh mesyuarat agung ahli-ahli.
- 14.5 Seseorang Pegawai yang diperakukan boleh dilucut daripada jawatannya oleh suatu mesyuarat agung oleh sebab uzur kerana sakit, tidak siaman, tidak berada di dalam negeri atau kerana lain-lain sebab yang menyebabkan Pegawai berkenaan tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya tidak memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau pembuangan bagi seseorang Pegawai yang diperakukan sebelum AGM, maka kekosongan itu boleh dipenuhi oleh EGM yang diadakan untuk tujuan tersebut.

FASAL 15

TAFSIRAN UNDANG-UNDANG

- 15.1 Di antara berlangsungnya mesyuarat agung, Jawatankuasa, jika mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang terkandung di dalam undang-undang ini.
- 15.2 Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam mesyuarat agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan mesyuarat agung.

FASAL 16

PENASIHAT / PENAUNG

- 16.1 Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat / Penaung bagi Pertubuhan bagi Persatuan ini dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis.

FASAL 17

PINDAAN UNDANG-UNDANG

- 17.1 Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan mesyuarat agung. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh keputusan mesyuarat agung meluluskan perubahan atau pindaan itu bersekali dengan laporan yang kena diberi oleh Persatuan di dalam borang yang dikhususkan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 kepada Pesuruhjaya Sukan Malaysia.

FASAL 18

PEMBUBARAN

- 18.1 Persatuan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga per lima (3/5) daripada jumlah ahli yang menghadiri dalam suatu mesyuarat agung yang dipanggil khas kerananya.
- 18.2 Sekiranya Persatuan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan Persatuan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam mesyuarat agung berkenaan.
- 18.3 Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pesuruhjaya Sukan Malaysia dalam masa 30 hari dari tarikh pembubaran tersebut.

FASAL 19

PERATURAN PENGURUSAN PREMIS

- 19.1 Persatuan tidak dibenarkan menempatkan sebarang mesin hiburan termasuk mesin permainan video di dalam premis Persatuan untuk kegunaan ahli-ahli.
- 19.2 Sijil Pendaftaran Persatuan atau salinannya yang disahkan hendaklah dipamerkan di dalam premis Persatuan di tempat yang mudah dilihat.
- 19.3 Papan tanda nama yang mencatatkan nama dan nombor pendaftaran Persatuan hendaklah dipamerkan di bahagian luar premis Persatuan.

.....t.t.....

Presiden

.....t.t.....

Setiausaha Agung

.....t.t.....

Bendahari